

SULIT
Sejarah
Ogos 2012
1 Jam

1249/1



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A , B , C dan D . Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

Kertas ini mengandungi **16** halaman bercetak

- 1 Jadual berikut menunjukkan kemunculan tamadun awal dunia.

Tamadun	Lokasi
Mesopotamia	Lembah Sungai Euphrates
Mesir Purba	Lembah Sungai Nil
Indus	Lembah Sungai Indus
Hwang Ho	Lembah Sungai Hwang Ho

Mengapakah tamadun tersebut bermula di lembah sungai?

- A Pertahanan yang kukuh
 - B Pusat aktiviti keagamaan
 - C Hasil bumi yang kaya
 - D Tanah yang subur untuk pertanian
- 2 Pernyataan berikut berkaitan sumbangan tamadun Mesir Purba kepada peradapan dunia.

Orang Mesir Purba memperkenalkan sistem
Kalender berdasarkan 12 bulan dalam setahun

Apakah bidang ilmu yang berkaitan dengan sumbangan tersebut?

- A Astronomi
 - B Falsafah
 - C Pembinaan
 - D Kepercayaan
- 3 Apakah sumbangan amalan tamadun berikut terhadap peradaban dunia?

Amalan	Tamadun
Yoga	India
Yin dan Yang	China

- A Perkembangan ilmu perubatan
- B Penghasilan kertas
- C Pengenalan sistem tulisan
- D Pembentukan sistem organisasi

SULIT**3****1249/1**

- 4 Gambar berikut menunjukkan Tembok Besar China.



Apakah tujuan pembinaan tembok tersebut?

- A Menetapkan sempadan negeri
 - B Mengukuhkan pertahanan negara
 - C Menggalakkan pelancungan
 - D Melambangkan pusat keagamaan
- 5 Mengapakah kerajaan Funan berubah daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim?
- A Kedudukan pelabuhan strategik
 - B Perubahan dasar pentadbiran
 - C Peningkatan hasil pertanian
 - D Kekayaan hasil laut
- 6 Gambar berikut menunjukkan candi Borobudur di Indonesia.



Apakah yang dapat dibuktikan dengan pembinaan candi tersebut?

- A Perluasan empayar Majapahit
- B Kegemilangan kegiatan intelektual
- C Kemajuan perdagangan antarabangsa
- D Perkembangan pengaruh Buddha

- 7 Jadual berikut berkaitan keruntuhan empangan dalam kerajaan Sabak.

Keruntuhan Empangan Maarib	
Tarikh	300M
Sebab	Banjir

Mengapakah masyarakat kerajaan Sabak gagal membina semula empangan tersebut?

- A Kekurangan penduduk
 B Kemerosotan ekonomi
 C Kelalaian golongan agama
 D Kekurangan ilmu pengetahuan
- 8 Maklumat berikut merujuk kepada pemulauan orang Arab Quraisy terhadap Nabi Muhammad SAW.

- Larangan menjalankan aktiviti berjual beli dengan umat Islam
- Larangan berkahwin dengan anggota keluarga nabi Muhammad SAW

Mengapakah orang Arab Quraisy bertindak sedemikian?

- A Menyekat dakwah Islamiah
 B Menentang hijrah umat Islam
 C Menghalang pembentukan kerajaan Islam
 D Menggagalkan pelaksanaan undang-undang Islam
- 9 Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Apakah keistimewaan perlembagaan tersebut?
- A Menamatkan perang saudara
 B Menerima wahyu Allah
 C Menggariskan peraturan memilih khalifah
 D Merintis pembukaan kota Makkah

- 10 Jadual berikut menunjukkan strategi Nabi Muhammad SAW ketika menentang orang Quraisy Makkah.

Perang	Strategi
Uhud	Berkubu di bukit
Khandak	X

Apakah X?

- A Menggunakan taktik gerila
 - B Membina tembok
 - C Menggali parit
 - D Menubuhkan tentera laut
- 11 Apakah maksud khalifah dalam bahasa Arab?
- A Pentadbir
 - B Pemimpin
 - C Pemerintah
 - D Pengganti
- 12 Baitulhikmah telah ditubuhkan semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid dan berkembang semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun.

Apakah peranan institusi tersebut ?

- A Ibu kota pentadbiran
- B Kubu pertahanan
- C Pusat penterjemahan
- D Pelabuhan antarabangsa

- 13 Gambar berikut menunjukkan batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang , Terengganu .



Apakah yang dibuktikan melalui penemuan tersebut?

- A Kedatangan agama Islam
 - B Kepentingan tulisan jawi
 - C Kepesatan perdagangan
 - D Kemunculan kesusasteraan
- 14 Hubungan baik dengan pemerintah tempatan menyebabkan pedagang Islam dianugerahkan jawatan dalam pentadbiran di Asia Tenggara.

Apakah jawatan tersebut?

- A Bendahara
 - B Syahbandar
 - C Temenggung
 - D Laksamana
- 15 Maklumat berikut merujuk kepada perundangan masyarakat Melayu tradisional.

- Undang-undang Laut Melaka
- Undang-undang Pelabuhan Kedah

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Mendapatkan taat setia rakyat
- B Memantapkan sistem pertahanan
- C Melicinkan kegiatan perdagangan
- D Mengukuhkan kedudukan pemerintah

- 16 Gambar berikut menunjukkan matawang yang dikeluarkan semasa pemerintahan Sultan Melaka keempat.




Apakah ciri mata wang tersebut?

- A Ditulis nama pemerintah
 - B Dikenali wang katun
 - C Diperbuat daripada emas
 - D Dilukis gambar istana
- 17 Dialog berikut menggambarkan kegiatan ekonomi di Eropah pada Zaman Gelap.

Orang Eropah A	Kami sering diancam oleh orang gasar diperairan pantai utara dan barat
Orang Eropah B	Orang Viking juga menyebabkan kami kerugian besar

Apakah yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- A Sistem feudal terhapus
 - B Perdagangan antarabangsa merosot
 - C Revolusi pertanian tercetus
 - D Pelabuhan baru dibina
- 18 Rajah berikut merujuk kepada perubahan tujuan kedatangan kuasa Barat ke Asia.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Pertambahan penduduk pesat
- B Harga rempah ratus jatuh
- C Kemunculan golongan baron
- D Revolusi Perindustrian tercetus

- 19 Bijih timah merupakan hasil dagangan terpenting sejak kurun ke-19. Bagaimanakah pembesar Melayu memperoleh keuntungan daripada kegiatan ekonomi tersebut?

A Mendirikan kilang melebur
B Menggunakan teknologi moden
C Memajak lombong kepada saudagar asing
D Menambahkan modal pelaburan

- 20 Pernyataan berikut berkaitan peraturan untuk sekolah Cina di Tanah Melayu.

Enakmen Pendaftaran Sekolah

Mengapakah British mewartakan enakmen tersebut?

A Menyekat pengaruh komunis
B Membendung masalah disiplin
C Mewujudkan pendidikan tinggi
D Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

- 21 Undang-undang berikut diperkenalkan oleh British di Burma.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Akta kampung Ulu Burma 1887• Akta Perkampungan Burma 1889 |
|--|

Apakah kesan akta tersebut?

A Meningkatkan taraf hidup
B Mengiktiraf golongan agama
C Melenyapkan pentadbiran tradisional
D Mengekalkan warisan budaya

- 22 Jadual berikut menunjukkan karya kesusasteraan yang terkenal di Asia Tenggara.

Karya	Negara
Noli Me Tenggere	Filipina
Ke Makam Bonda	Indonesia

Apakah persamaan tema karya tersebut?

- A Kemerdekaan negara
 - B Penindasan penjajahan
 - C Kebebasan wanita
 - D Pengiktirafan raja
- 23 Jadual berikut berkaitan pemerintahan British di Tanah Melayu

Pengenalan Birokrasi Barat	Kesan
Residen British diperkenalkan	Pemimpin tempatan hilang kuasa

Bagaimanakah pembesar berusaha mengembalikan kedudukan mereka dalam pemerintahan tersebut?


- A Memelihara adat resam
 - B Meningkatkan ekonomi
 - C Meminda undang undang negeri
 - D Menjalinkan kerjasama dengan rakyat
- 24 Jadual berikut menunjukkan majalah yang diterbitkan sebelum Perang Dunia kedua?

Majalah	Pengarang
Majalah Guru	Muhammad Dato' Muda Linggi Yusuf Ahmad Mohd. Sidin Rashid
Pengasuh	Dato' Nik Mohammad
Bulan Melayu	Zainon Sulaiman

Apakah isu yang dibangkitkan oleh majalah tersebut?

- A Memperjuangkan kemerdekaan
- B Mengadakan pilihanraya
- C Menyemarakkan Semangat kebangsaan
- D Menyatupadukan kaum

- 25 Rajah berikut menerangkan konsep daulat dalam kerajaan Melayu tradisional



Apakah kepentingan konsep tersebut

- I Menentukan bidang tugas pembesar
 - II Memperkukuhkan kedudukan raja
 - III Menjamin keutuhan pemerintahan
 - IV Menjadi panduan pembentukan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Tokoh berikut digelar “Bapa Johor Modern”



Sultan Abu Bakar

Apakah sumbangan baginda?

- A Melukis peta kemajuan negeri
- B Menggubal perlembagaan negeri
- C Memperkenalkan Sistem Kangcu
- D Mengasaskan pentadbiran di Tanjung Puteri

- 27 Senarai berikut menerangkan tujuan pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Menjamin penguasaan sumber ekonomi
- Mengawal kuasa politik orang Melayu
- Mewujudkan pemerintahan pusat yang kuat

Bagaimanakah British merealisasikan tujuan tersebut ?

- A Membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 B Memperkenalkan Malayan Union
 C Melaksanakan Pentadbiran Tentera British
 D Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu
- 28 Jadual berikut menunjukkan jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 1947 berikutan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.

Jawatankuasa	Keanggotaan
Jawatan Kuasa Eksekutif	Pegawai kanan British
	Pemimpin UMNO
	Wakil Raja-Raja Melayu

Apakah hasil rundingan jawatankuasa tersebut?

- A Perlembagaan Rakyat diwartakan
 B Prinsip Jus Soli diterima
 C Jawatan Gabenor diwujudkan
 D Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

- 29 Gambar berikut menunjukkan peristiwa yang berlaku di Bandar Hilir Melaka pada 20 Februari 1956



Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

- A Pilihan raya diperkenalkan
 - B Darurat ditamatkan
 - C Parti politik ditubuhkan
 - D Tarikh kemerdekaan diisytiharkan
- 30 Apakah gelaran yang diberikan kepada tokoh berikut?



Tun Abdul Razak

- A Bapa Perpaduan
- B Bapa Kemerdekaan
- C Bapa Pembangunan
- D Bapa Permodenan

- 31 Senarai berikut merupakan perkara yang dituntut oleh Sabah dan Sarawak dalam perlembagaan Malaysia 1963.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kerakyatan • Imigresen • Ketua Negeri |
|---|

Tuntutan tersebut dikenali sebagai

- A Referendum
B Senarai Bersama
C Hak wilayah asing
D Hak kerajaan Persekutuan
- 32 Maklumat berikut berkaitan Dasar Konfrantasi yang dilancarkan oleh Indonesia.

Ganyang Malaysia

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menyerang kapal-kapal nelayan • Menceroboh ruang udara • Menghantar pengintip |
|---|

Bagaimanakah pemimpin Malaysia mengatasi dasar tersebut?

- A Melancarkan perang saraf
B Mendapatkan bantuan tentera Komanwel
C Mengadakan sekatan ekonomi
D Menubuhkan askar Home Guard
- 33 Gambar berikut menunjukkan Jata Negara Malaysia.



Apakah yang dilambangkan oleh dua ekor harimau dalam jata tersebut?

- A Kesucian
B Kerjasama
C Kedaulatan
D Keberanian

34 Senarai berikut berkaitan institusi Parlimen Malaysia.

Parlimen Malaysia
• Yang di-Pertuan Agong • Dewan Negara • Dewan Rakyat

Apakah peranan institusi tersebut?

- A Menggubal undang-undang
- B Menyelesaikan kes jenayah
- C Mentafsir perlembagaan negara
- D Melaksanakan dasar kerajaan

35 Agensi berikut ditubuhkan dalam Rancangan Malaya Pertama.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Rural Industrial Development Authority (RIDA) • Federal Land Development Authority (FELDA) |
|---|

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menstabilkan harga hasil pertanian
- B Membangunkan masyarakat luar bandar
- C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- D Memajukan sektor perindustrian

36 Petikan berikut berkaitan hasrat pemimpin negara selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Oleh itu, amatlah mustahak bagi kita semua untuk cuba sedaya upaya hidup bersama-sama dan memahami antara satu sama lain dengan semangat persefahaman, hormat-menghormati agar kita dapat memelihara keharmonian dan keamanan. - Tunku Abdul Rahman, 1969 -
--

Bagaimanakah rakyat Malaysia boleh memenuhi hasrat tersebut?

- A mempraktikkan prinsip Rukun Negara
- B mengamalkan sistem pendidikan vernakular
- C menganggotai pertubuhan serantau
- D melaksanakan Dasar Pandang ke Timur

- 37 Pernyataan berikut merupakan cabaran dalam wawasan 2020.

Cabaran Kesembilan	Memupuk dan membina masyarakat makmur
---------------------------	---------------------------------------

Bagaimanakah cara menghadapi cabaran tersebut?

- A Mempraktikkan kebebasan beragama
 - B Mengukuhkan institusi keluarga
 - C Mengamalkan nilai-nilai murni
 - D Meninggikan taraf hidup
- 38 Pemimpin berikut mengingkari Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919.




Adolf Hitler

Bagaimanakah beliau melanggar perjanjian tersebut ?

- A Menakluki wilayah Itali
- B Menyertai Kuasa Bersekutu
- C Memperbesarkan angkatan tentera
- D Mengamalkan pemerintahan republik

- 39 Rajah berikut menunjukkan kemunculan blok dunia selepas Perang Dunia Kedua.



Apakah faktor kemunculan blok tersebut?

- A Kegagalan Liga Bangsa
 - B Perbezaan fahaman politik
 - C Kemunculan nasionalisme
 - D Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand
- 40 Pertubuhan berikut diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1971



Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

Apakah kejayaan pertubuhan tersebut?

- A Menamatkan Perang Iran-Iraq
- B Menentang dasar apartied
- C Melaksanakan dekolonisasi
- D Mewujudkan Zon Bebas Senjata Nuklear

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
Sejarah
Ogos 2012
2 ½ jam

1249/2

Nama :
 No.Kad Pengenalan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
 DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
 PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nombor kad pengenalan dan angka giliran** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
4. Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada **Kertas Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
7. Ikat kertas jawapan bersama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	


Kertas ini mengandungi **9** halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Peta berikut menunjukkan tamadun lain di dunia yang bertembung dengan tamadun Islam.



- (a) Berdasarkan peta di atas, namakan tamadun bertanda:

X: [1 markah]

Y: [1 markah]

- (b) Nyatakan cara pertembungan tamadun tersebut dengan tamadun Islam.

(i)

(ii) [2 markah]

- (c) Apakah kesan pertembungan tersebut daripada aspek perkembangan intelektual?

(i)

(ii) [2 markah]

(d) Apakah ciri-ciri individu yang boleh menyumbang kepada kegemilangan sesebuah negara?

(i)

(ii)

[2 markah]


(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah sumbangan negara kita terhadap peradaban dunia?

(i)

(ii)

[2 markah]

2 Garis masa berikut menerangkan perubahan yang berlaku di Eropah.



(a) Berdasarkan garis masa tersebut, apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Gelap?

.....
[1 markah]

(b) Senaraikan ciri-ciri Zaman Gelap.

(i)
(ii)
[2 markah]

(c) Mengapakah masyarakat Eropah berjaya keluar dari Zaman Gelap?

(i)
(ii)
[2 markah]

(d) Apakah idea kreatif dan inovatif masyarakat Eropah yang mencetuskan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian?

(i)
(ii)
[2 markah]

(e) Apakah iktibar yang diperoleh daripada perubahan masyarakat di Eropah bagi kemajuan bangsa dan negara kita?

(i)
(ii)
(iii)
[3 markah]

- 3 Jadual berikut menerangkan perkembangan pertubuhan yang menyemarakkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

Pertubuhan Sebelum Perang Dunia Kedua	
Kenegerian	Kebangsaan
Kesatuan Melayu Singapura X	Y

- (a) Berdasarkan jadual di atas, namakan pertubuhan:

X:

[1 markah]

Y:

[1 markah]

- (b) Mengapakah pertubuhan tersebut ditubuhkan?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Nyatakan kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan tersebut?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (d) Apakah manfaat menyertai persatuan atau kelab di sekolah anda?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (e) Sebagai Pengerusi persatuan atau kelab di sekolah anda, cadangkan aktiviti untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga sekolah anda.

(i)

(ii)

[2 markah]

- 4 Gambar berikut berkaitan dengan peristiwa pengisytiharan kemerdekaan negara kita.



- (a) Berdasarkan gambar tersebut, nyata:

- (i) Tokoh terlibat : [1 markah]
 (ii) Tarikh peristiwa: [1 markah]

- (b) Apakah persediaan negara kita sebelum kemerdekaan diisytiharkan?

- (i)
 (ii) [2 markah]

- (c) Nyatakan kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Merdeka.

- (i)
 (ii) [2 markah]

- (d) Sebagai warga negara patriotik, bagaimanakah anda menyambut hari kemerdekaan negara kita?

- (i)
 (ii) [2 markah]

- (e) Bagaimanakah anda mengisi kemerdekaan negara kita supaya kekal berdaulat?

- (i)
 (ii) [2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja

- 5 Jadual berikut menunjukkan sumbangan peningkatan tamadun terhadap peradaban dunia.


Tamadun	Sumbangan
Yunani	• Pendidikan • Seni bina • Sains dan teknologi
Rom	
India	
China	

- (a) Terangkan sumbangan tersebut. [8 markah]
- (b) Berikan cadangan anda bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara kita untuk menjamin kecemerlangan yang berterusan. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah melahirkan masyarakat yang maju dan saintifik selaras dengan cabaran Wawasan 2020? [6 markah]
- 6 Rajah berikut berkaitan pembentukan kerajaan Islam yang pertama di dunia.




- (a) Terangkan kepentingan hijrah umat Islam dari Makkah ke Madinah. [6 markah]
- (b) Terangkan keunggulan kandungan Perlembagaan Madinah sehingga menjadi rujukan negara-negara di dunia. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri masyarakat Madinah yang boleh dicontohi oleh rakyat Malaysia bagi menjamin keharmonian dalam negara? [8 markah]

- 7 Peta berikut menunjukkan negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan gagasan Malaysia.



- (a) Terangkan faktor pembentukan Malaysia daripada aspek politik, ekonomi dan sosial [6 markah]
- (b) Terangkan langkah-langkah merealisasikan pembentukan Malaysia. [8 markah]
- (c) Sebagai warganegara Malaysia, apakah jati diri yang perlu anda miliki? [6 markah]
- 8 Dasar Pembangunan sosial yang dilaksanakan melalui pendidikan, kebudayaan dan sukan telah mengukuhkan perpaduan rakyat berbilang bangsa di negara Malaysia.
- (a) Jelaskan usaha yang diambil oleh pemimpin negara kita bagi mewujudkan perpaduan melalui pembangunan sosial. [8 markah]
- (b) Apakah tanggungjawab anda bagi merealisasikan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020? [6 markah]
- (c) Berikan cadangan anda bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang dihasratkan dalam Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). [6 markah]

- 9 Rajah berikut menunjukkan pertubuhan serantau yang disertai oleh Malaysia sejak mencapai kemerdekaan.



- (a) Apakah faedah Malaysia menganggotai pertubuhan serantau tersebut?
[8 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan kejayaan pertubuhan tersebut dalam menjamin kestabilan serantau.
[6 markah]
- (c) Bagaimanakah semangat setia kawan dalam kalangan negara serantau dapat dieratkan?
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1249/1(PP)



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA
PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012
SEJARAH
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan**

1249/1 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 3 halaman bercetak

NO.	JAWAPAN				TING/BAB	HALAMAN
1				D	TING.4 BAB 1	8
2	A				TING.4 BAB 1	22
3	A				TING.4 BAB 2	58
4		B			TING.4 BAB 2	59
5	A				TING.4 BAB 3	76
6				D	TING.4 BAB 3	90
7				D	TING.4 BAB 4	100
8	A				TING.4 BAB 4	112
9		B			TING.4 BAB 5	124
10			C		TING.4 BAB 5	130
11				D	TING.4 BAB 6	143
12			C		TING.4 BAB 6	156
13	A				TING.4 BAB 7	177
14		B			TING.4 BAB 7	180
15			C		TING.4 BAB 8	200
16	A				TING.4 BAB 8	210
17		B			TING.4 BAB 9	216
18				D	TING.4 BAB 9	237
19			C		TING.4 BAB 10	251
20	A				TING.4 BAB 10	265
21			C		TING.5 BAB 1	11
22		B			TING.5 BAB 1	15
23				D	TING.5 BAB 2	31
24			C		TING.5 BAB 2	52
25			C		TING.5 BAB 3	76
26		B			TING.5 BAB 3	80
27		B			TING.5 BAB 4	95
28				D	TING.5 BAB 4	104
29				D	TING.5 BAB 5	124
30			C		TING.5 BAB 5	131
31			C		TING.5 BAB 6	144
32		B			TING.5 BAB 6	146/147
33				D	TING.5 BAB 7	188
34	A				TING.5 BAB 7	172
35		B			TING.5 BAB 8	198
36	A				TING.5 BAB 8	211
37				D	TING.5 BAB 8	221/222
38			C		TING.5 BAB 9	232

SULIT**3****1249/1(PP)**

NO.	JAWAPAN				TING/BAB	HALAMAN
39		B			TING.5 BAB 9	234
40	A				TING.5 BAB 9	251
Jum	10	10	10	10	40	

SULIT

1249/2(PP)



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA
PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012
SEJARAH
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan**

1249/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 28 halaman bercetak

SULIT**2****1249/2(PP)****Soalan 1**

1 (a) Berdasarkan peta di atas, namakan tamadun bertanda:

Soalan 1	Butiran	Markah
1 (a)	X Tamadun Rom / Byzantine / Eropah Timur	1
	Y Tamadun Parsi	1

1 (b) Nyatakan cara pertembungan tamadun tersebut dengan tamadun Islam.

Soalan1	Butiran	Markah
1 (b)	F1 Perdagangan / perniagaan	1
	F2 Hubungan diplomatik / peneroka Islam	1
	F3 Penaklukan / ketenteraan	1
	F4 Kebudayaan	1
	F5 Intelektual	1
Mana-mana 2 x 1m		(2 m)

1 (c) Apakah kesan pertempungan tersebut daripada aspek perkembangan intelektual?

Soalan 1	Butiran	Markah
1 (c)	F1 Cendekiawan Islam bertukar pendapat	1
	F2 Penterjemahan hasil penulisan buku Islam	1
	F3 Penubuhan perpustakaan	1
	F4 Penubuhan sistem madrasah	1
	F5 Penubuhan sekolah akademik	1
	F6 Penubuhan sekolah sastera	1
	F7 Penubuhan maktab tentera	1
	F8 Penubuhan kolej perubatan	1
	F9 Penubuhan pusat pengajian tinggi	1
	F10 Penulisan ensiklopedia	1
	F11 Kemajuan ilmu perubatan	1
	F12 Perkembangan ilmu kimia	1
	F13 Perkembangan matematik	1
	F14 Perkembangan astronomi	1
	F15 Perkembangan ilmu mantik	1
	F16 Perkembangan falsafah	1
	F17 Perkembangan ilmu usuluddin	1
(Mana-mana jawapan munasabah)		1
Mana-mana 2 x 1m		(2 m)

SULIT**3****1249/2(PP)**

1 (d) Apakah ciri-ciri individu yang boleh menyumbang kepada kegemilangan sesebuah negara?

Soalan	Butiran	Markah
1 (d)	F1 Bersikap kreatif	1
	F2 Berfikiran inovatif	1
	F3 Mementingkan ilmu pengetahuan / pendidikan	1
	F4 Berdaya saing	1
	F5 Berfikiran futuristik / berwawasan	1
	F6 Bersemangat patriotik	1
	F7 Berkepimpinan berwibawa	1
	F8 Berani mengambil risiko	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	Mana-mana 2 x 1 m	[2m]

1 (e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah sumbangan negara kita terhadap peradaban dunia?

Soalan 1	Butiran	Markah
1 (e)	F1 Membentuk perpaduan kaum	1
	F2 Menjadi Tapak warisan dunia UNESCO	1
	F3 Mengamalkan konsep kesederhanaan Islam / wasathiah	1
	F4 Kemajuan teknologi perusahaan getah /kelapa sawit	1
	F5 Melaksanakan sistem kewangan Islam	1
	F6 Kesenambungan intitusi beraja / sultan	1
	F7 Menerajui kepimpinan pertubuhan antarabangsa / serantau	1
	F8 Penyebaran dakwah Islamiah	1
	F9 Kawalan penyalahgunaan dadah	1
	F10 Mewujudkan ZOFPAN	1
	F11 Berusaha mengekalkan keamanan sejagat	1
	F12 Menyertai misi keamanan dunia	1
	F13 Mempelopori hub halal dunia	1
	F14 Menampilkan jaguh dalam bidang sikan diperingkat dunia / badminton / squasy/dan lain-lain sukan	1
	F15 Menjadi tuan rumah kepada acara / persidangan peringkat antarabangsa / serantau	1
	F16 Menanggotai pertubuhan antarabangsa/serantau	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	Mana-mana 2x 1 m	[2m]

SULIT**4****1249/2(PP)****Soalan 2**

2 (a) Berdasarkan garis masa tersebut, apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Gelap?

Soalan	Butiran	Markah
2 (a)	F1 Zaman kemerosotan ilmu pengetahuan	1
	F2 Perdagangan tidak meluas/tidak bersifat antarabangsa	1
	F3 Kemerosotan kehidupan perbandaran	1
	F4 Tiada pentadbiran pusat yang berkesan / pentadbiran pusat yang lemah	1
	F5 Gereja mengongkong kehidupan manusia	1
	F6 Kelembapan kegiatan ekonomi/sara diri/tukar barang	1
	Mana-mana 1x1 m	[1 m]

2 (b) Senaraikan ciri-ciri Zaman Gelap.

Soalan	Butiran	Markah
2 (b)	F1 Kemerosotan ilmu pengetahuan	1
	F2 Kemerosotan kehidupan perbandaran	1
	F3 Ketiadaan pentadbiran pusat yang berkesan	1
	F4 Kemunculan golongan baron (tuan tanah)	1
	F5 Petani mendapat perlindungan daripada tuan tanah	1
	F6 Petani membayar cukai tinggi kepada tuan tanah	1
	F7 Petani yang tidak mampu menyerahkan tanah kepada tuan tanah	1
	F8 Petani menjadi hamba kepada tuan tanah	1
	F9 Golongan baron / tuan tanah mendapatkan perlindungan daripada raja	1
	F10 Tuan tanah membayar cukai / memberi perkhidmatan kepada raja	1
	F11 Membentuk sistem feodal di Eropah	1
	F12 Gereja Katolik menjadi institusi yang berkuasa	1
	F13 Gereja Katolik memiliki hartanah yang banyak	1
	F14 Gereja memfokuskan kepada amalan agama / ilmu keakhiratan	1
	F15 Gereja mengongkong kehidupan manusia	1
	F16 Kegiatan ekonomi lembab	1
	F17 Kegiatan perdagangan tidak meluas	1
	F18 Perdagangan diganggu oleh serangan orang gasar/Viking/Mgyar	1
	F19 Perdagangan dikuasai oleh orang Islam	1
	F20 Menumpukan kepada ekonomi pertanian	1
	F21 Perniagaan hasil pertanian secara tukar barang	1
	F22 Penggunaan mata wang terhad	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	Mana-mana 2 x1 m	[2 m]

2 (c) Mengapakah masyarakat Eropah berjaya keluar dari Zaman Gelap?

Soalan	Butiran	Markah
2 (c)	F1 Gereja menjadi agen penyatuan	1
	F2 Peningkatan aktiviti pertanian	1
	F3 Kemajuan perdagangan	1
	F4 Kemunculan bandar baru seperti Venice/Milan/Florence	1
	F5 Lahir golongan pertengahan seperti artisan/pedagang/ahli perbankan	1
	F6 Status sosial berubah daripada berasaskan pemilikan tanah kepada berasaskan kekayaan	1
	F7 Rakyat mula terlibat dalam urusan politik	1
	F8 Parlimen diwujudkan untuk memenuhi permintaan rakyat	1
	F9 Kemunculan <i>Zaman Renaissance</i>	1
	F10 Lahir manusia <i>Renaissance</i> seperti Francesco Petrarch / Niccolo Michiavelli / Giovanni Bocaccio	1
	F11 Kemunculan aliran humanisme / keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan masalah	1
	F12 Semangat inkuiri / ingin tahu / berani meneroka	1
	F13 Berlaku pertembungan budaya/bangsa/agama	1
	F14 Berlaku gerakan Reformation	1
	F15 Lahir golongan patron / pedagang kaya	1
	F16 Wujud persaingan antara bandar untuk menarik tokoh cendekiawan	1
	F17 Kemunculan golongan saintis seperti Galileo Galilie	1
	F18 Penekanan kepada keupayaan individu	1
	F19 Kemunculan golongan monarki baru	1
	F20 Kegiatan penerokaan dan penjelajahan	1
	F21 Perubahan pemikiran dan gaya hidup	1
	F22 Keyakinan diri yang tinggi / optimis / berani mengambil risiko	1
	F23 Menekankan pendidikan / ilmu	1
	F24 Menggunakan sepenuhnya keupayaan minda untuk berfikir	1
	F25 Berlaku Revolusi Pertanian	1
	F26 Pemagaran tanah	1
	F27 Penanaman secara ladang	1
	F28 Penciptaan teknologi baru dalam bidang pertanian	1
	F29 Berlaku Revolusi Perindustrian	1
	F30 Pembinaan kilang	1
	F31 Pengkhususan pengeluaran	1
	F32 Kemunculan golongan buruh	1
	F33 Kemunculan majikan	1
	F34 Kemajuan pengangkutan (Mana-mana munasabah)	1
	Mana-mana 2 x 1 m	[2 m]

SULIT**6****1249/2(PP)**

2 (d) Apakah idea kreatif dan inovatif masyarakat Eropah yang mencetuskan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian?

Soalan	Butiran	Markah
2 (d)	F1 Pengeluaran secara besar-besaran / ladang / kilang	1
	F2 Perubahan dalam sistem pemilikan tanah	1
	F3 Akta Pemagaran Tanah	1
	F4 Teknik penanaman yang efisien	1
	F5 Penciptaan peralatan / mesin / teknologi baru	1
	F6 Penggunaan baja dalam pertanian	1
	F7 Pengenalan tanaman baru	1
	F8 Pengenalan sistem tanaman bergilir /	1
	F9 Mengadakan perdagangan antarabangsa	1
	F10 Menggalakkan kegiatan keusahawanan	1
	F11 Mengadakan pengkhususan pekerjaan	1
	F12 Penjimatan kos	1
	F13 Penggunaan enjin kuasa wap	1
	F14 Memajukan sistem pengangkutan	1
	F15 Penggubalan Akta Parlimen bagi membela nasib pekerja / Akta Kilang / Akta Lombong / Akta Sepuluh Jam	1
	(Mana-mana jawapann munasabah)	1
	Mana-mana 2 x 1 m	[2 m]

2 (e) Apakah iktibar yang diperoleh daripada perubahan masyarakat di Eropah bagi kemajuan bangsa dan negara kita?

Soalan	Butiran	Markah
2 (e)	F1 Berani meneroka bidang baru	1
	F2 Mempunyai semangat inkuiri / ingin tahu / melakukan eksperimen	1
	F3 Mempunyai daya kreativiti	1
	F4 Mempunyai daya inovatif	1
	F5 Menggalakan penyelidikan / R & D	1
	F6 Mementingkan ilmu pendidikan	1
	F7 Berusaha meningkatkan teknologi	1
	F8 Melahirkan tenaga kerja mahir	1
	F9 Berusaha melakukan perubahan ke arah kebaikan	1
	F10 Berdaya saing	1
	F11 Bijak menyelesaikan masalah	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	Mana-mana 3 x 1 m	[3 m]

SULIT**7****1249/2(PP)****Soalan 3****3 (a)** Berdasarkan jadual di atas, namakan pertubuhan bertanda:

Soalan	Butir	Markah
3 (a)	X: F1 Persatuan Melayu Pulau Pinang F2 Persatuan Melayu Melaka F3 Persatuan Melayu Selangor F4 Persatuan Melayu Negeri Sembilan F5 Persatuan Melayu Kelantan F6 Persatuan Melayu Sarawak F7 Persatuan Melayu Johor F8 Persatuan Melayu Pahang F9 Persatuan Melayu Perak Mana-mana 1x1m	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (1m)
	Y: F1 Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) F2 Kesatuan Melayu Muda (KMM) Mana-mana 1x1 m	1 1 (1m)

3 (b) Mengapakah pertubuhan tersebut ditubuhkan?

Soalan	Butir	Markah
3 (b)	F1 Memajukan ekonomi	1
	F2 Mengeratkan perpaduan Melayu	1
	F3 Meningkatkan pendidikan orang Melayu	1
	F4 Menegakkan ajaran agama Islam	1
	F5 Memelihara budaya bangsa	1
	F6 Meningkatkan taraf hidup	1
	F7 Mempertahan maruah orang Melayu	1
	F8 Menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia	1
	F9 Menambah bilangan keanggotaan askar Melayu	1
	F10 Menubuhkan angkatan tentera laut dan tentera udara	1
	Mana-mana 2 x 1 m	[2 m]

3 (c) Nyatakan kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan tersebut?

Soalan	Butir	Markah
3 (c)	F1 Menyemarakkan semangat kebangsaan	1
	F2 Memajukan pendidikan orang Melayu	1
	F3 Memajukan ekonomi orang Melayu	1
	F4 Menggabungkan tenaga intelektual Melayu	1
	F5 Menjadi simbol perpaduan orang Melayu	1
	F6 Menerbitkan akhbar	1
	F7 Meningkatkan taraf hidup	1
	F8 Menjaga kepentingan orang Melayu	1

SULIT**8****1249/2(PP)**

Soalan	Butir	Markah
	F9 Badan perantara membuat tuntutan	1
	F10 Badan pendesak kepada British	1
	F11 Menambah bilangan pentadbir Melayu	1
	F12 Mengembalikan kuasa sultan	1
	F13 Mewujudkan kampung Baru	1
	F14 Mengadakan kongres	1
	F15 Perintis kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu/UMNO	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

3 (d) Apakah manfaat menyertai persatuan atau kelab di sekolah anda?

Soalan	Butir	Markah
3 (d)	F1 Memupuk kepimpinan	1
	F2 Menyemai perpaduan	1
	F3 Mengembangkan potensi diri	1
	F4 Menyalurkan idea dan pendapat	1
	F5 Memupuk sikap tolak ansur / tolerensi	1
	F6 Menjana minda kreatif	1
	F7 Kerja sepasukan / semangat kerjasama	1
	F8 Memanfaat masa lapang	1
	F9 Meningkatkan kemahiran komunikasi	1
	F10 Memantapkan kemahiran sosial	1
	F11 Penerapan nilai-nilai murni	1
	Mana-mana jawapan munasabah)	1
	Mana-mana 2 x 1 m	[2 m]

3 (e) Sebagai Pengerusi persatuan atau kelab di sekolah ada, cadangkan aktiviti untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga sekolah anda

Soalan	Butir	Markah
3 (e)	F1 Menganjurkan Pertandingan pidato / syarahan / puisi/drama	1
	F2 Pertandingan lagu patriotik	1
	F3 Mengadakan sambutan hari kemerdekaan/hari bersejarah negara	1
	F4 Mengadakan lawatan ke tempat bersejarah/mercu tanda negara	1
	F5 Mengadakan lawatan ke Muzium Negara / Arkib Negara Malaysia	1
	F6 Mengibarkan jalur gemilang	1
	F7 Menganjurkan festival permainan tradisional / sukan	1
	F8 Mengadakan pameran tokoh negarawan	1
	F9 Menjalankan program sukarelawan/kemasyarakatan	1
	F10 Menganjurkan persembahan kebudayaan/tarian	1
	F11 Memakai pakaian kebangsaan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	Mana-mana 2 x 1 m	(2 m)

SULIT**9****1249/2(PP)****Soalan 4**

Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	Berdasarkan gambar tersebut, nyatakan	
	(i) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj / Tuanku Abdul Rahman (YDA Pertama) / Duke of Wellington / Raja-raja Melayu Mana-mana 1 x1 1	1
	(ii) 31 Ogos 1957	1

Soalan	Butiran	Markah
4 (b)	Apakah persediaan negara kita sebelum kemerdekaan diisytiharkan?	
	F1 Membentuk Sistem Ahli	1
	F2 Mengadakan pakatan murni	1
	F3 Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum	1
	F4 Mengadakan pilihan raya	1
	F5 Pembukaan keahlian UMNO	1
	F6 Penubuhan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu /IMP	1
	F7 Pembentukan Parti Perikatan	1
	F8 Penganjuran Persidangan Kebangsaan	1
	F9 Penganjuran Konvenyen Kebangsaan	1
	F10 Menghantar Rombongan Merdeka ke London	1
